

Muslim Care bantu pelarian Syria

Kuala Lumpur: Muslim Care Malaysia (Muslim Care) sekali lagi membantu pelarian Syria di sempadan Jordan dalam Misi Bantuan Musim Sejuk bagi meringankan penderitaan dialami mereka.

Setiausaha Agung Muslim Care Zakaria Abd Latif berkata, program bantuan kali ini dilakukan dengan kerjasama Persatuan Kakitangan Islam Maybank (PKIMB), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Global Islamic Students Outreach (GISO) dan kumpulan Sebarkan Kasih Sayang Syria (SKS).

Menurutnya, ia akan diadakan pada 6 hingga 11 November ini dan rombongan sukarelawan Muslim Care turut disertai dua selebriti iaitu Afdlin Shauki dan Aziz M Osman serta pendakwah Syed Abd Kadir Al Joofree yang juga anggota SKS.

“Objektif utama misi ini adalah membantu pelarian Syria di sempadan Jordan, Syria di samping mendedahkan penuntut USIM dan peserta misi dengan kerja amal kebajikan di peringkat antarabangsa.



SYED Abd Kadir

“Misi ini bertujuan untuk membangkit kesedaran dan rasa tanggungjawab rakyat Malaysia kepada nasib yang menimpa saudara kita di Syria.

“Dalam misi ini, kita akan menyampaikan sumbangan rakyat Malaysia kepada pelarian Syria menerusi sumbangan bantuan kebajikan,” katanya.

Sehubungan itu orang ramai yang ingin menghulur sumbangan bagi membantu mangsa pelarian boleh menderma ke akaun Maybank 564490413882 atau Bank Islam 14032010093666 atas nama Muslim Care Malaysia.